

UNTUK SIARAN SEGERA

Sime Darby Property Rekod Keuntungan Sebelum Faedah dan Cukai (PBIT) Sebanyak RM97.9 juta pada Suku Pertama TK2021

- Catat pendapatan sebanyak RM589.5 juta dan keuntungan sebelum faedah dan cukai (“PBIT”) sebanyak RM97.9 juta berasaskan prestasi kewangan dan operasi yang menggalakkan;
- Jualan sebanyak RM630.2 juta dalam suku pertama tahun kewangan 2021 (“TK2021”) menjadi asas kukuh bagi Syarikat untuk mencapai sasaran jualan RM2.4 bilion tahun ini, disokong dengan jualan belum dibil berjumlah RM1.7 bilion;
- Produk-produk yang dilancarkan menerima sambutan yang baik dengan purata kadar pembelian melebihi 90% hasil pelaksanaan pemasaran digital sepanjang tempoh pandemik;
- Diiktiraf sebagai ‘*Responsible Developer: Building Sustainable Development Award*’ oleh EdgeProp Malaysia.

ARA DAMANSARA, 27 MEI 2021 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) mencatatkan pendapatan sebanyak RM589.5 juta dan PBIT sebanyak RM97.9 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac 2021 (“Q1 TK2021”), peningkatan yang memberangsangkan berbanding prestasi Q1 TK2020 yang telah dinyatakan semula. Pernyataan semula untuk TK2020 telah mengambil kira Keputusan Agenda di bawah IAS 23 Kos Pinjaman bermula 1 Januari 2021, di mana kos pinjaman bagi projek yang telah dilancarkan tidak lagi dimodalkan.

Aktiviti perniagaan Syarikat berjalan dengan lancar dalam suku pertama dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan sebanyak 23.7% berbanding tahun sebelumnya. PBIT dalam suku pertama juga mencatat peningkatan yang kukuh berbanding kerugian sebelum faedah dan cukai sebanyak RM2.3 juta yang direkodkan pada Q1 TK2020. Secara keseluruhan, peningkatan keuntungan tahun ke tahun bagi Q1 TK2021 ini adalah hasil dari keberkesanan pelaksanaan inisiatif pengurusan kos yang telah dijalankan. Syarikat mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (“PATAMI”) berjumlah RM60.6 juta bagi Q1 TK2021.

Prestasi Q1 TK2021 dari Tahun ke Tahun Mengikut Segmen

Segmen Pembangunan Hartanah (Property Development) merupakan penyumbang utama kepada peningkatan prestasi kewangan Sime Darby Property pada Q1 TK2021 dengan catatan pendapatan dan PBIT sebanyak RM553.0 juta dan RM 103.8 juta, berbanding dengan RM440.7 juta dan RM7.6 juta pada tahun sebelumnya. Peningkatan kukuh ini adalah hasil pencapaian jualan

dan aktiviti pembangunan yang lebih tinggi dalam perbandaran Syarikat, seperti di Kota Elmina, KLGCC Resort, KL East dan Bandar Serenia. Segmen ini juga mencatatkan bahagian kerugian yang lebih rendah sebanyak RM2.5 juta dari syarikat bersekutu dan usaha sama berbanding RM10.6 juta yang direkodkan dalam tahun sebelumnya.

Segmen lain seperti Pelaburan & Pengurusan Aset (*Investment & Asset Management*) dan *Leisure* terus berhadapan dengan cabaran dalam aktiviti perniagaan masing-masing bagi Q1 TK2021, berikutan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) sejak Januari 2021. Segmen Pelaburan & Pengurusan Aset mencatatkan pendapatan sebanyak RM22.4 juta dan kerugian sebelum faedah dan cukai (“LBIT”) sebanyak RM2.7 juta, disebabkan oleh kos permulaan serta pembukaan KL East Mall pada November 2020. Walaupun pendapatan bagi segmen *Leisure* mencatatkan pengurangan pendapatan sebanyak 24.2% dari tahun ke tahun, segmen ini berjaya meningkatkan prestasi melalui LBIT yang lebih rendah sebanyak RM3.1 juta berbanding RM5.4 juta tahun sebelumnya, hasil daripada pelaksanaan penggabungan operasi. Pemulihan prestasi kedua-dua segmen bergantung kepada langkah-langkah pembendungan yang dijalankan, keberkesanan program vaksinasi negara dan pelaksanaan PKP yang berterusan.

Q1 TK2021 Berbanding Q4 TK2020

Dari segi perbandingan suku pertama dan suku sebelumnya, pendapatan Q1 TK2021 sebanyak RM589.5 juta menunjukkan pengurangan sebanyak 16.4% berbanding pendapatan pada Q4 TK2020 yang telah mencatat peningkatan jualan dari projek pembangunan bersepadu di KLGCC Resort, KL East dan Subang Jaya City Centre. Namun begitu, PBIT sebanyak RM97.9 juta yang direkodkan dalam Q1 TK2021 mencatat kenaikan dua kali ganda berbanding PBIT terlaras dalam Q4 TK2020 berjumlah RM46.9 juta (tidak termasuk turun nilai / hapus kira inventori, rosot nilai asset dan peruntukan berjumlah RM94.9 juta). Ini telah dicapai melalui penambahbaikan perancangan, kawalan kos dan pengurusan projek-projek perbandaran Syarikat.

Pencapaian Kewangan dan Operasi Lain

Dari segi kedudukan kewangan Syarikat, jumlah ekuiti mencatatkan kenaikan kepada RM9.4 bilion pada Q1 TK2021, berbanding RM9.2 billion pada suku sebelumnya. Nisbah hutang kasar dan bersih Syarikat terus stabil pada kadar 37.4% dan 29.5%. Sime Darby Property juga berjaya menjana aliran tunai yang positif dari aktiviti operasi Syarikat terutamanya dari penjualan stok yang telah siap yang seterusnya menghasilkan baki tunai yang sihat berjumlah RM746.3 juta pada Q1 TK2021.

“Segmen Pembangunan Hartanah akan terus memacu prestasi Sime Darby Property dengan sumbangan pendapatan sebanyak 94% dalam suku pertama TK2021. Kami yakin dapat mencapai sasaran jualan Syarikat pada tahun ini melalui usaha pemasaran digital yang juga disokong dengan Kempen Pemilikan Rumah 2021 yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Produk-produk yang dilancarkan dalam suku pertama ini juga telah menerima sambutan baik daripada kalangan pembeli dengan purata kadar pembelian melebihi 90% dan tempahan berjumlah RM0.8 bilion,” kata Dato’ Azmir Merican, Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property.

Pendekatan unik Sime Darby Property dalam membangunkan komuniti yang menerapkan ciri-ciri sosial dan persekitaran yang tersendiri telah menerima pengiktirafan *‘Responsible Developer: Building Sustainable Development Award’* di *EdgeProp Malaysia’s Best Managed and Sustainable Property Awards 2021*. Di majlis yang sama, *Elmina Central Park*, terletak di Kota Elmina, Shah Alam, Selangor telah menerima dua anugerah iaitu *‘The Editor’s Choice Awards for Malaysia’s Exemplary Sustainable Community Park’* dan *‘EdgeProp-ILAM Malaysia’s Sustainable Landscape Awards’*.

Prospek Bagi TK2021

Sime Darby Property telah berjaya menangani cabaran yang dihadapinya sepanjang tempoh pandemik dengan strategi dan pelan taktikal untuk meletakkan Syarikat sebagai sebuah syarikat pembangunan hartanah yang lestari menjelang 2025. Keutamaan Syarikat tertumpu kepada peningkatan rangkaian produknya, peluasan asas pendapatan dan portfolio perniagaan, serta pembinaan perbandaran yang lestari.

Dato’ Azmir berkata, “Syarikat akan terus bekerja keras untuk mencipta nilai jangka panjang yang berterusan bagi semua pihak berkepentingan kami melalui persediaan yang secukupnya dan bertindak tangkas dalam merebut peluang-peluang yang terdapat dalam industri hartanah. Sime Darby Property telah berjaya mengembangkan segmen Industri & Logistiknya untuk mempercepatkan strategi kepelbagaian pendapatan Syarikat dengan memperkenalkan produk-produk di kawasan perindustrian baharu seluas lebih 400 ekar yang akan dilancarkan pada tahun ini. Kami juga akan melaksanakan pelancaran produk baharu di lokasi-lokasi terpilih pada titik harga yang tepat, meneruskan usaha untuk mencipta nilai baru melalui pengurusan bank tanah (*land bank*) yang aktif dan meneruskan pengurusan kos yang berwaspada pada TK2021.”

-SIARAN AKHBAR TAMAT-

Mengenai Sime Darby Property

Sime Darby Property adalah pemaju hartanah terkemuka yang telah membuktikan kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek Stesen Janakuasa Battersea di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat hartanah yang memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property ialah satu-satunya pemaju hartanah di Malaysia yang telah diiktiraf oleh Carbon Disclosure Project untuk inisiatif pengurusan karbon dan inisiatif syarikat dalam melibatkan pihak-pihak berkepentingan.

Ia merupakan pemaju hartanah Malaysia yang pertama dianugerahkan dengan FIABCI Prix d'Excellence sebanyak dua kali untuk bandar Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020.

Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju hartanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009. Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.simedarbyproperty.com

Kontak Media: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

Untuk pertanyaan umum e-mail group.communications@simedarbyproperty.com